

Impian Bandar Selamat

Bandar Selamat yang diwujudkan oleh kerajaan sejak tahun 2004 bertujuan bagi pencegahan jenayah di bandar utama, seperti Kuala Lumpur. Konsep Bandar Selamat merangkumi komponen, seperti bandar yang bebas daripada jenayah, bencana alam, kemerosotan sosial dan kemalangan.

MOHAMMAD SYAHIR LUQMAN MD SAID

Menurut laman web Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), sehingga tahun 2009, sebanyak 39 pihak berkuasa tempatan (PBT) menyertai program Bandar Selamat. Pelaksanaan Bandar Selamat mengikut tahap jenayah dan kemampuan kewangan. Pada tahun tersebut, program Bandar Selamat ditakrifkan semula dengan mengurangkan 23 langkah pencegahan, seperti tahun 2004, kepada 15 langkah mengikut kesesuaian setempat.

Antara 15 langkah program Bandar Selamat dalam pencegahan jenayah termasuklah pengasingan laluan pejalan kaki dan motosikal. Langkah ini dilakukan dengan penyediaan laluan pejalan kaki khusus, penggunaan

tonggak jalan (*bollard*), rel pengadang, tanaman landskap, dan laluan khas motosikal. Reka bentuk persekitaran yang selamat (CPTED) turut digunakan dan dibantu dengan garis panduan, seperti pencahayaan, panduan pejalan kaki khusus, serta panduan penanaman landskap. Selain itu, kaedah pemetaan digunakan dengan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS).

Langkah seterusnya termasuklah penyediaan balai polis bergerak, cermin keselamatan, papan tanda peringatan jenayah, penggera keselamatan, pemasangan tempat letak motosikal berkunci, pemasangan kamera litar tertutup

(CCTV) di tempat awam dan premis perniagaan, serta pencahayaan lampu di kawasan premis, rumah, dan tempat awam. Selain itu, kawasan semak samun di laluan pejalan kaki dibersihkan serta jejantas tidak terlindung daripada pandangan orang ramai. Pelaksanaan sebarang aktiviti di kawasan terbuka yang bersesuaian diberi tumpuan supaya tidak terdedah kepada jenayah.

Pendidikan dan kesedaran awam amat penting diberi perhatian untuk melestarikan Bandar Selamat. Hal ini dilakukan dengan penyebaran iklan dalam media massa, seperti televisyen, radio, dan surat khabar, penyediaan papan iklan luar, penyertaan PBT dalam program Bandar Selamat, serta penyertaan awam dalam program ini. Selain itu, sistem rondaan ditingkatkan di kawasan perumahan, seperti penyediaan rukun tetangga dan pengawal keselamatan swasta. Agenda tetap bulanan termasuklah mesyuarat majlis penuh PBT diadakan setiap bulan. Pada setiap bulan, laporan tentang kadar jenayah dan keberkesanan program Bandar Selamat diadakan bagi mengetahui perkembangan kawasan persekitaran.

Setelah 12 tahun pelaksanaan program Bandar Selamat, terdapat beberapa perkara yang dapat dianalisis. Antaranya, keberkesanan program ini secara hakiki, persepsi serta kesedaran orang ramai mengenai Bandar Selamat, serta penambahbaikan program ini pada masa hadapan. Program Bandar Selamat amat dituntut untuk pembangunan dan kesejahteraan negara dan seharusnya tidak tertumpu di kawasan bandar sahaja. Program ini perlu diperluas di luar bandar dengan beberapa fokus utama, seperti pemasangan CCTV di simpang jalan keluar dan masuk, pencahayaan lampu yang cukup, dan perancangan pelan yang sesuai oleh PBT. Hal ini dikatakan demikian kerana jenayah yang berlaku tidak mengira kedudukan kawasan geografi.

Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab perlu memastikan pelaksanaan program ini dilakukan secara menyeluruh dan bukan hanya tertumpu di sesuatu kawasan sahaja. Peralatan keselamatan, seperti pemasangan kamera, cahaya lampu, dan cermin keselamatan, antara langkah kerajaan yang proaktif bagi menangani masalah jenayah di kawasan "hitam". Penambahbaikan sistem kawalan keselamatan pada masa hadapan memerlukan kesepakatan semua pihak untuk membincangkan corak jenayah dan langkah untuk mencegahnya.

Demikian juga, jenayah siber perlu diberi perhatian yang serius kerana jenayah ini amat berbeza daripada jenayah lain yang tidak dapat dilihat secara nyata. Langkah pencegahan perlu dirancang secara teliti untuk memastikan maklumat peribadi individu serta syarikat tidak terjejas dengan aktiviti jenayah siber yang agak berleluasa pada

jenayah siber perlu diberi perhatian yang serius kerana jenayah ini amat berbeza daripada jenayah lain yang tidak dapat dilihat secara nyata. Langkah pencegahan perlu dirancang secara teliti untuk memastikan maklumat peribadi individu serta syarikat tidak terjejas dengan aktiviti jenayah siber yang agak berleluasa pada masa ini.

masa ini. Selain itu, beberapa elemen penting perlu diambil kira termasuklah kesesuaian pemasangan mesin teler automatik (ATM) di bank dan premis perniagaan.

Pada 26 Februari yang lalu, negara ini dikejutkan dengan kejadian rompakan ATM di Kuala Selangor. Sekumpulan perompak menggunakan mesin jengkaut untuk menarik keluar ATM serta melarikan wang tunai berjumlah RM537 530. Kejadian tersebut berlaku pada pukul 5.00 pagi yang kemudiannya disedari oleh pengawal keselamatan. Pemeriksaan polis mendapati dua buah ATM dilarikan dan sebuah jengkaut ditinggalkan di hadapan bank tersebut. Pada 5 Februari 2016, sebuah ATM diletupkan di Simpang Kuala, Alor Setar. Dalam kejadian pada pukul 3.00 pagi itu, sebanyak RM300 ribu berjaya dilarikan oleh penjenayah. Penjenayah bertindak menyemburkan cat ke arah kamera litar tertutup untuk mengelakkan aktiviti mereka dirakamkan.

Menurut Pengarah Institut Jenayah dan Kriminologi, Universiti HELP, Datuk Akhbar Satar, biasanya rompakan ATM berlaku pada hujung bulan dan musim perayaan. Penjenayah terdiri daripada orang tempatan dan warga asing. Terdapat beberapa sebab kejadian rompakan ATM berleluasa. Antaranya, ketiadaan CCTV yang berkualiti, kedudukan ATM yang terpencil, serta ketiadaan pengawal keselamatan. Pemasangan kamera tersembunyi dan penempatan ATM di kawasan orang ramai perlu diberi perhatian serius. Dengan adanya langkah ini, sekurang-kurangnya statistik kejadian rompakan ATM dapat diturunkan.

Dalam hal ini, orang ramai masih belum berasa "lega" dengan pelaksanaan program Bandar Selamat ini, sebaliknya segala kelemahan yang sedia ada perlu diperbaiki secara berterusan. Penjenayah sentiasa mencari peluang yang tidak disedari oleh siapa untuk kepentingan mereka. Pencegahan jenayah perlu dilakukan pada setiap masa. Oleh itu, program ini perlu dikemas kini dari semasa ke semasa agar kesesuaiannya dapat diaplikasikan, seterusnya mengurangkan kadar jenayah sehingga sampai tahap orang awam berasa selamat di kawasan berhampiran dengannya. Kelalaian dan sikap tidak ambil tahu tentang keberkesanan program Bandar Selamat bukan sahaja menandatangani kerugian wang ringgit, malah nyawa juga menjadi taruhan. 

